



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM



GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENDAFTARAN ANAK KURANG UPAYA TANGGUNGJAN PESARA KERAJAAN MALAYSIA

BAHAGIAN PENCEN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
2023

1. PENDAHULUAN

Buku garis panduan ini disediakan sebagai rujukan umum mengenai prosedur untuk memohon bagi pendaftaran anak kurang upaya tanggungan pesara, panduan mendapatkan pengesahan pakar perubatan Kerajaan dan cara mendapatkan borang pendaftaran anak kurang upaya tanggungan pesara.

Anak Kurang Upaya Tanggungan Pesara yang dimaksudkan adalah anak kepada penjawat awam atau pesara yang mengalami ketidakupayaan otak, ketidakupayaan anggota ataupun kecelaruan mental. Manakala, pesara yang dimaksudkan adalah penjawat awam yang telah bersara daripada Perkhidmatan Awam Persekutuan, Negeri, Badan-Badan Berkanun Persekutuan atau Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang memilih opsyen Skim Pencen Sektor Awam.

Buku garis panduan ini turut menjelaskan mengenai kemudahan dan faedah terbitan yang layak diterima oleh anak kurang upaya tanggungan pesara sekiranya permohonan tersebut diluluskan.

Semua Undang-undang, Perintah Am, Pekeliling Perkhidmatan, Surat Pekeliling Perkhidmatan serta borang berkaitan yang dirujuk dalam buku garis panduan ini boleh dimuat turun secara terus daripada laman portal Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam di pautan www.jpapencen.gov.my.

Sebagai makluman, penjawat awam yang memilih opsyen Skim Pencen Sektor Awam dan mempunyai anak yang kurang upaya bolehlah membuat permohonan untuk mendaftarkan anak kurang upaya tanggungan mereka bersekali dengan penghantaran permohonan persaraan wajib, permohonan persaraan pilihan atau permohonan pencen terbitan bagi kes kematian dalam perkhidmatan dengan melengkapkan borang dan mendapatkan pengesahan daripada mana-mana pakar perubatan Kerajaan yang berkaitan dengan ketidakupayaan yang dialami.

URUSETIA

JAWATANKUASA PENETAPAN ANAK KURANG UPAYA TANGGUNGAN PESARA (JKACT)

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)

TAHUN 2023

2. TAFSIRAN ANAK KURANG UPAYA TANGGUNGAN PESARA

Seksyen 2(b), Akta Pencen 1980 dan Peraturan 2, Peraturan-Peraturan Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1990, memberi tafsiran berkenaan Anak Kurang Upaya Tanggungan Pesara seperti berikut :

“Seorang anak yang tidak kira apa jua umurnya dan yang cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal dan yang tidak berupaya untuk menanggung dirinya sendiri dengan syarat anak itu adalah anak cacat otak atau hilang upaya dari segi jasmani dan secara kekal sebelum anak itu mencapai umur dua puluh satu tahun.”

Berdasarkan tafsiran di atas, berikut merupakan elemen yang diambil kira untuk mempertimbangkan anak kurang upaya tanggungan pesara sebagai layak menerima pencen terbitan seumur hidup:

- i. Mengalami ketidakupayaan otak;
- ii. Mengalami ketidakupayaan fizikal;
- iii. Ketidakupayaan tersebut kekal;
- iv. Tidak berupaya menanggung (menyara) dirinya sendiri; dan
- v. Ketidakupayaan hendaklah dialami sebelum mencapai usia 21 tahun.

Namun demikian, bagi pesara yang dilantik sebelum 16.5.1986, syarat “ketidakupayaan hendaklah dialami oleh anak kurang upaya berkenaan sebelum umur 21 tahun” adalah tidak terpakai kecuali bagi kes kecelaruan mental.

3. KELAYAKAN ANAK KURANG UPAYA TANGGUNGAN PESARA

Faedah-faedah yang layak diterima oleh Anak Kurang Upaya Tanggungan Pesara yang diluluskan adalah seperti berikut:

- i. Pencen terbitan setelah kematian penjawat awam atau pesara (sepanjang hayat); dan
- ii. Kemudahan perubatan dan rawatan yang ditanggung oleh Kerajaan seperti kelayakan pesara (sepanjang hayat).

Permohonan Pendaftaran Anak Kurang Upaya Tanggungan Pesara perlu dibuat dengan melengkapkan Borang Laporan Pengesahan Pakar Perubatan Kerajaan seterusnya dikemukakan untuk pertimbangan Jawatankuasa Penetapan Anak Kurang Upaya Tanggungan Pesara (JKACT), Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

4. KATEGORI KETIDAKUPAYAAN ANAK KURANG UPAYA TANGGUNGAN PESARA

Jenis ketidakupayaan anak kurang upaya tanggungan pesara dikategorikan seperti berikut:

- i. Ketidakupayaan Otak;
- ii. Ketidakupayaan Anggota; dan
- iii. Kecelaruan Mental (*Mental Disorder*).

5. PENGESAHAN PAKAR PERUBATAN BAGI KES ANAK KURANG UPAYA TANGGUNGAN PESARA YANG INGIN DIDAFTARKAN

Pemohon haruslah mendapat pengesahan daripada **Pakar Perubatan Kerajaan sahaja**. Pakar berkenaan hendaklah mengesahkan tahap ketidakupayaan anak kurang upaya tanggungan pesara dengan mengisi ruangan yang berkaitan di Bahagian C: Borang Laporan Pengesahan Pakar Perubatan Mengenai Anak Kurang Upaya Tanggungan Pesara (**JPA.BP.UMUM.B04**). Setiap ruangan yang berkenaan perlu dilengkapkan oleh Pakar Perubatan Kerajaan merangkumi penilaian tahap ketidakupayaan khususnya bagi ketidakupayaan otak dan anggota (pendengaran) bagi mengenal pasti sama ada anak kurang upaya tersebut berada pada tahap ringan (*mild*), ketara (*moderate*), teruk (*severe*), atau amat teruk (*profound*).

Senarai pakar perubatan kerajaan yang bersesuaian dengan jenis ketidakupayaan adalah seperti berikut:

NO.	SUB-KATEGORI	PENGESAHAN
1.	Ketidakupayaan Otak (Masalah pembelajaran)	Rujuk Pakar Perubatan Kerajaan yang berkaitan (Pakar Perubatan Klinikal, Pakar Perubatan Keluarga, Pakar Kanak-Kanak, Pakar Neurologi, atau Pakar Psikiatri)
2.	Ketidakupayaan Anggota (Fizikal)	Rujuk Pakar Rehabilitasi, Pakar Bedah, atau Pakar Ortopedik Kerajaan
3.	Ketidakupayaan Anggota (Pendengaran)	Rujuk Pakar Otorinolaringologi Kerajaan
4.	Ketidakupayaan Anggota (Penglihatan)	Rujuk Pakar Oftalmologi Kerajaan
5.	Ketidakupayaan Anggota (Pertuturan)	Rujuk Pakar Otorinolaringologi Kerajaan
6.	Kecelaruan Mental (Mental Disorder)	Rujuk Pakar Psikiatri Kerajaan

6. PENGESAHAN BAGI KES KECELARUAN MENTAL (*MENTAL DISORDER*)

Mulai 20 September 2017, anak kurang upaya kepada pesara yang mengalami kecelaruan mental, layak untuk dipertimbangkan bagi pendaftaran anak kurang upaya tanggungan pesara. Dalam pada itu, kriteria asas sepertimana yang ditetapkan dalam Seksyen 2(b), Akta Pencen 1980 berkenaan ketidakupayaan kekal, tidak berupaya menanggung dirinya sendiri dan ketidakupayaan dialami sebelum anak kurang upaya tersebut mencapai usia 21 tahun perlu dipenuhi dan disahkan oleh Pakar Psikiatri Kerajaan.

Kriteria-kriteria yang diambil kira bagi tujuan pertimbangan kes kecelaruan mental (*mental disorder*) adalah seperti berikut:

NO.	KRITERIA	ASAS PENILAIAN
1.	Dokumentasi perubatan bahawa anak kurang upaya tersebut jelas mengalami kecelaruan mental bagi kategori ketidakupayaan ini: a. <i>Organic mental disorder</i> b. <i>Schizophrenia</i> c. <i>Mood disorder (depression dan bipolar disorder)</i> d. Lain-lain.	a. Latar belakang penyakit yang lengkap daripada pesakit dan ahli keluarga/penjaga; b. Laporan bagi proses penilaian terkini, termasuk lawatan ke rumah; c. Tahap pendidikan dan kemampuan menyesuaikan diri; d. Pemeriksaan status mental; e. Dokumentasi dari hospital lain, jika berkenaan; f. Penilaian status klinikal terkini dan pelan perawatan; g. Diagnosis; dan h. Prognosis (peluang untuk sembuh).
2.	Anak kurang upaya tersebut telah menjalani rawatan psikiatri untuk sekurang-kurangnya 24 bulan atau telah mencapai tahap <i>Maximum Medical Improvement (MMI)</i> di mana-mana pusat rawatan/ pemulihan, hospital/ klinik kesihatan Kerajaan mahupun swasta.	Ini termasuk perawatan di klinik atau wad psikiatri, menjalani program di pusat rehabilitasi psikososial atau lawatan ke rumah oleh Unit Psikiatri Komuniti. Bahan rujukan: a. Buku janjitemu pesakit; dan b. Buku daftar kedatangan.
3.	Anak kurang upaya tersebut mula alami kecelaruan mental sebelum mencapai umur 21 tahun.	a. Sejarah penyakit yang lengkap dari pesakit dan ahli keluarga/penjaga; dan b. Pengesahan tarikh mula alami kecelaruan mental.

7. BORANG YANG DIGUNA PAKAI BAGI PENGESAHAN PAKAR PERUBATAN KERAJAAN BAGI TUJUAN PERMOHONAN PENDAFTARAN ANAK KURANG UPAYA TANGGUNGAN PESARA

Borang yang diguna pakai adalah borang **JPA.BP.UMUM.B04** (Borang Laporan Pengesahan Pakar Perubatan Mengenai Anak Kurang Upaya Tanggungan Pesara). Borang ini boleh dimuat turun secara dalam talian melalui Portal Pencen seperti berikut:

- Masukkan URL www.jpapencen.gov.my;
- Lakukan carian pada sebelah kanan portal dan klik pada pautan “**Senarai Borang**”;
- Dapatkan borang bernombor 21 iaitu Borang Laporan Pengesahan Pakar Perubatan Mengenai Anak Kurang Upaya Tanggungan Pesara; dan
- Muat turun, cetak, serta lengkapkan borang tersebut dengan mendapatkan pengesahan pakar perubatan kerajaan yang berkaitan.

Masukkan URL berikut:

 <http://www.jpapencen.gov.my>



LAMAN UTAMA PROFIL ► PANGKALAN ILMU ► HUBUNGI KAMI ► SISTEM MAKLUM BALAS SOALAN LAZIM

[Selasa , 24 Oktober 2023]

> PENGIRAAN ANGGARAN

Persaraan Wajib

Persaraan Pilihan Sendiri

Persaraan Atas Sebab Keshifat

Penamatan Perkhidmatan Ahli Pendudur

> JIKA ANDA

Pesara

Bakal Pesara

Penerima Faedah Terbitan

Jabatan Kerajaan

Walul Skin A

Engku Henislaq Atau Ke Luar Negri

> APLIKASI

MyPencen

Sistem Pengiraan GCR Version 2021.5

Buku Panduan GCR Versi 1.2021

Cetakan Penyata Pencen

Penamatan Pembayaran Faedah Persaraan

Senakan Bayaran Bantuan Mengurus Jenazah

Senakan Pemberian Taraf Berpencen

Cetakan Surat Persaraan Pilihan

Senak Status Persaraan

Dokumen Wajib / Didih

MAKLUMAN BAGI PESARA/PENERIMA PENCEN		MAKLUMAN TERKINI	
	PENGUHUMAN BERKEŅAAN PERMOHONAN TUNTUTAN PERJALANAN (RAWATAN LUAR STESEN & SAKSI PIHAK KERAJAAN) BAGI PESARA AWAM		pautan berikut : Borang JPA.BP.UMUM.B04 Pin 2023 Sakali, Empakuan, Tema kasih
	SLAID SEMINAR PENGURUSAN PERSARAAN PIHAK BERKUSA TEMPATAN - 13 & 14 SEPTEMBER 2023		=====
	PANDUAN PERSARAAN PELIHAN BAGI PEGAWAI YANG MENJADI CALON PELIHAN RAYA TAHUN 2023		PENGATUKIASAN PENGESAHAN BORANG DILAKUKAN DI SINI
	SURAT EDARAN PEMERAHABADAN PEMERIAH AWARD WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT (CCR) DAN PEMERAHABAKAN PEMERIAH AWAL AWARD WANG TUNAI CCR		SENARAI BORANG
	1) Surat Edaran JPA/PEN/2/28/26/6-13 Jd.5(20)		SENAARI BORANG
	2) MyPSH Ceraihan PP.1 - Persaraan Faedah Persaraan		SENARAI BORANG
	a) Ceraihan PP.1.3.1 : Pemberian Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (CCR)		SENARAI BORANG
	b) Ceraihan PP.1.3.3 : Kebenaran Gantian Cuti Rehat Helebih 180 Hari Dipersetujui Sebagai Cuti Rehat Pada Tahun Persaraan		SENARAI BORANG
	c) Ceraihan PP.1.3.4 : Pemberian Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat		SENARAI BORANG
	3) Soalan Lazim		SENARAI BORANG
	SLAID SEMINAR PENGURUSAN PERSARAAN BADAN PERSEKUTUAN - 1 & 2 MAC 2023		SENARAI BORANG
	PERMOHONAN PEMBERIAN BANTUAN MENGURUS JENAZAH (BH)		SENARAI BORANG
	PENGUHUMAN BERKEŅAAN PERMOHONAN BANTUAN MENGURUS JENAZAH PESARA		SENARAI BORANG
	TARIKH PEMBAYARAN PENCEN BULANAN BAGI TAHUN 2023		SENARAI BORANG
	SLIDE PENCERAHAN PROGRAM HR CHAMPION - 21 & 22 September 2022		SENARAI BORANG

Klik di sini (senarai borang)

19	Permohonan Penjaga	JPA.BP.SPT.B02	
20	Maklumbalas Siasatan Polis Bagi Kes Kemalangan	JPA.BP.UMUM.B03	
21	Borang Laporan Pengesahan Pakar Perubatan Mengenai Anak Kurang Upaya Tanggungan Pesara	JPA.BP.UMUM.B04 Pin 2023	
22	Borang Permohonan Bakal Pencen	JPA.BP.UMUM.BK	
23	Surat Akuan Ibu atau Bapa Kandung Gemulah Mengenal Pemberian Pencen Tanggungan	JPA.BP.SPT.B	
BORANG PEMANTAUAN PENCEN			
24	Pengakuan Pesara Bermastautin Di Luar Malaysia Di Bawah Undang-Undang Pencen	JPA.BP.SKP.B04	
25	Photograph, Thumb Impressions and Specimen Signature Of Malaysian Government Pension Recipient	JPA.BP.SKP.B06	

Muat turun borang No. 21

6

8. PENGHANTARAN BORANG PERMOHONAN

Pemohon, pesara atau penjaga hendaklah melengkapkan borang **JPA.BP.UMUM.B04** (Borang Laporan Pengesahan Pakar Perubatan Mengenai Anak Kurang Upaya Tanggungan Pesara) terlebih dahulu sebelum dirujuk ke mana-mana pakar perubatan Kerajaan dan seterusnya mengemukakan borang permohonan yang lengkap tersebut ke alamat berikut:

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP]

Jabatan Perkhidmatan Persaraan

Aras 11, Skytech Tower 2


MKN Embassy Techzone

Jalan Teknokrat 2, Cyber 4

63000 Cyberjaya, Selangor.

Catatan: Pemohon dinasihatkan untuk membuat satu salinan borang yang telah dilengkapkan sebelum menghantar salinan asal untuk rujukan pada masa hadapan.

9. CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN PENDAFTARAN ANAK KURANG UPAYA TANGGUNGAN PESARA



**10. KAE DAH PEMBAYARAN PENCEN TERBITAN KEPADA ANAK KURANG UPAYA TANGGUNGAN
PESARA YANG DILULUSKAN**

- i. Mulai **Julai 2023**, anak kurang upaya tanggungan pesara yang telah diluluskan permohonannya melalui Garis Panduan ini (termasuk anak kurang upaya tanggungan pesara yang sedang menerima pencen terbitan sebelum Garis Panduan ini dikeluarkan) akan menerima bayaran pencen terbitan secara terus ke akaun bank.
- ii. Penjaga yang membuka akaun bersama dengan anak kurang upaya tidak lagi perlu hadir ke kaunter bank bagi pengeluaran pencen terbitan. Pengeluaran boleh dilakukan melalui mana-mana mesin ATM yang berhampiran.

MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI:

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA)
Bahagian Pencen,
Aras 5, Blok C2, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62510 WP Putrajaya.
Telefon: 03-8885 4853/4910/4463/4434

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP]
Jabatan Perkhidmatan Persaraan
Aras 11, Skytech Tower 2
MKN Embassy Techzone
Jalan Teknokrat 2, Cyber 4
63000 Cyberjaya, Selangor.
Telefon: 03-8887 8777

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
Bahagian Pencen Cawangan Sabah,
Aras 1, Blok A,
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah,
Jalan UMS - Sulaman, Likas
Peti Surat No 2061,
88450 Kota Kinabalu, Sabah.
Telefon: 088-488661/488662/488663

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
Bahagian Pencen Cawangan Sarawak,
Aras 2, Bangunan Marzuki, Lot 1656 Seksyen 65,
Jalan Tun Dato' Patinggi Hj. Abdul Rahman Yaakub, Petrajaya,
93050 Kuching, Sarawak.
Telefon: 082-241144/251818/234981